



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI**  
JALAN PERSIARAN PUTRA, KUAH,  
07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN  
NO. SEBUT HARGA : PDL/SH/02/2024

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri Kedah (**iDAFTAR/iPerolehan**), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**) dan agensi terlibat dalam **Gred G1, Berdaftar Dibawah Kod Bidang 040102 (Makanan dan Minuman Tin, Botol dan Bungkus) dan 040103 (Makanan Bermasak)** bertaraf Bumiputera serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini bagi kerja berikut:-

**TAJUK KERJA** : PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENYEDIA DAN MENGHIDANG MAKANAN ISLAM BERMASAK UNTUK JEMPUTAN BAGI MESYUARAT, KURSUS DAN PROGRAM RASMI DI PEJABAT DAERAH LANGKAWI UNTUK TEMPOH 01 JANUARI 2025 HINGGA 31 DISEMBER 2026

**HARGA DOKUMEN** : RM 10.00 senaskah. BAYARAN TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN

**TARIKH IKLAN** : 11 NOVEMBER 2024 (ISNIN) **TARIKH JUAL**: 18 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

**TARIKH TUTUP** : 24 NOVEMBER 2024 (AHAD), JAM 9.00 PAGI

2. Kontraktor/Syarikat yang berminat, hendaklah membuat **PERAKUAN** menyertai **Sebut Harga di Sistem iDAFTAR/iPerolehan** (<https://idaftar.kedah.gov.my>) dan menjelaskan bayaran secara atas talian mengikut No. Sebut Harga berjumlah **RM10.00 senaskah** sebelum dokumen *softcopy* Sebut Harga dikemukakan kepada Kontraktor/Syarikat. Urusan **penjualan** Dokumen Sebut Harga **dibuka sepanjang masa setiap hari kecuali pada jam 12.00 tengah malam hingga 12.30 pagi** bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank.

3. **Kontraktor/Syarikat** dikehendaki menyemak **No Siri Kawalan Dokumen** yang diberikan melalui **Sistem iDAFTAR/iPerolehan** dan **melengkapkan No Siri Kawalan Dokumen** pada setiap halaman muka depan **Dokumen Sebut Harga** pada ruangan kotak yang disediakan. Kegagalan ini, boleh mengakibatkan dokumen ditolak.

4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi, dicetak dan disahkan, hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul berlakri** dan dicatatkan **No Sebut Harga : PDL/SH/02/2024** pada sebelah atas kiri sampul dengan terang dan jelas dan **dimasukkan terus ke dalam peti Sebut Harga** yang disediakan di pejabat :-

PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI  
JALAN PERSIARAN PUTRA, KUAH,  
07000 LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN  
(RUANG LEGAR, ARAS BAWAH,  
PEJABAT DAERAH LANGKAWI)



5. **Kontraktor/Syarikat** boleh menggunakan **perkhidmatan kurier** untuk penghantaran dokumen sebut harga. **Kontraktor/Syarikat** dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke **Peti Sebut Harga** yang disediakan oleh Jabatan dengan ajen perkhidmatan kurier dalam masa ditetapkan. **Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen Kontraktor/Syarikat.**

6. Sila pastikan tarikh **SAH LESEN** sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN (90hari)** dari tarikh tutup **Sebut Harga**. **KEGAGALAN** berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan yang dimasuki oleh tuan-tuan.

7. **PIHAK KERAJAAN** tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran. Sebarang pertanyaan, hubungi urusetia perolehan di talian **04-7029228/9321**.

(MOHAMAD SUBHI BIN ABDULLAH.,AMK.,BCK)

Pegawai Daerah Langkawi  
Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi  
Kedah Darul Aman

Tarikh : 10 November 2024